

Orang Asli tidak dipinggirkan

NS mahu pastikan kebajikan golongan berkenaan dijaga

■ NURULATIQ AHMAD BANDI

PORT DICKSON - Sebanyak 56 unit rumah jenis semi-D di bina di penempatan tersusun Kampung Orang Asli Palebar Baru di Pasir Panjang, di sini.

Pembinaan itu merupakan terjemahan dasar kerajaan negeri tidak meminggirkan masyarakat Orang Asli walaupun rancak mengejar pembangunan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, ia juga satu pencapaian kerana projek pertama dilaksanakan di negara ini yang dibangunkan Matrix Concepts Holdings Berhad.

Beliau berkata, projek kediaman itu di bina di atas tanah seluas tiga hektar, manakala sejumlah 46.5 hektar lagi akan dibangunkan dengan projek pertanian tanaman kelapa sawit.

"Setiap ketua isi rumah akan mendapat 1.5 hektar tanah dan ia diberikan dalam bentuk saham dalam usaha untuk memastikan kebajikan Orang Asli terus dapat dipelihara. Ini termasuk mereka memperoleh pendapatan bulanan yang tetap hasil daripada pertanian tersebut.

"Kita mengambil inisiatif seperti itu dalam usaha untuk terus menjaga kepentingan Orang

Asli bagi mengelakkan diambil kesempatan oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kampung Orang Asli Palebar Baru, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Datuk Hasnan Hassan dan Tok Batin Orang Asli Kampung Palebar Baru, Temu Tiot.

Mohamad berkata, masyarakat Orang Asli Kampung Palebar Baru sebelum ini sudah diberikan pampasan berupa wang tunai dan sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Gadong Jaya, Labu selepas tanah penempatan asal mereka di Kampung Palebar Lama, Labu dibeli pemaju.

"Tetapi memikirkan mereka juga perlu ada sumber pendapatan, sebab itulah perumahan tersusun ini di bina untuk mereka," katanya.

Bagi memastikan nasib Orang Asli di negeri ini terus dibela, Mohamad berkata, kerajaan negeri telah mewartakan 29 perkampungan Orang Asli dalam kawasan hutan simpan di negeri ini.

Beliau berkata, kawasan Kampung Orang Asli Palebar Lama akan dibangunkan dengan perumahan mampu milik sebanyak 2,000 unit dan plan pembangunannya juga telah diluluskan oleh kerajaan negeri.



Mohamad (tiga, kiri) menyerahkan kunci rumah penempatan tersusun Kampung Orang Asli Palebar Baru kepada Temu sambil diiringi Hasnan (dua, kiri).